

# Afidavit saksi 'kritikal' bakal sokong permohonan Najib

BERITA HARIAN 05 APR 2024

m/s: 14

Bekas PM mohon semakan kehakiman jalani tempoh pemenjaraan di rumah

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang 'saksi kritikal' yang belum didedahkan, akan mengikrarkan afidavit bagi menyokong permohonan Datuk Seri Najib Razak mendapatkan kebenaran semakan kehakiman bagi mencabar kewujudan titah adendum (tambahan) oleh Yang di-Pertuan Agong Ke-16 supaya beliau menjalani tempoh pemenjaraan selama enam tahun di rumah.

Dalam prosiding di Mahkamah Tinggi semalam, yang dijadualkan mendengar permohonan kebenaran bekas Perdana Menteri itu, peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, memaklumkan kepada Hakim Datuk Amarjeet Singh bahawa saksi terbabit kini berada di Makkah.

Sehubungan itu, Muhammad Shafee memohon pendengaran permohonan anak guamnya ditangguhkan kepada 17 April ini apabila individu itu pulang ke tanah air selepas Aidilfitri untuk menandatangani afidavit soko-



Najib ketika hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

ngan berkenaan.

Amarjeet membenarkan permohonan peguam kanan itu dan turut mengarahkan hujahan bertulis difailkan pada 15 April.

## Enggan dedah saksi

Dalam prosiding secara ex-parte (sebelah pihak) itu, Peguam Negara yang dinamakan Najib sebagai salah seorang responden, diwakili Peguam Kanan Persekutuan diwakili Ahmad Hanir Hambaly.

Ketika ditemui pemberita di luar mahkamah selepas prosiding berkenaan, Muhammad

Shafee enggan mendedahkan saksi 'misteri' terbabit.

Najib, 70, memfailkan permohonan itu di Mahkamah Tinggi di sini pada 1 April menerusi Tettan Shafee & Co.

Beliau menamakan Menteri Dalam Negeri, Komisioner Jeneral Penjara, Peguam Negara, Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ketua Pengarah Baha-

gian Hal Ehwal Undang-Undang di JPM dan Kerajaan Malaysia sebagai responden.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu memohon perintah supaya kesemua responden atau seorang daripada mereka diarah untuk menjawab dan mengesahkan kewujudan titah adendum bertariikh 29 Januari 2024.

Najib juga memohon perintah jika titah itu wujud, maka kesemua responden atau seorang daripada mereka perlu melaksanakan dan dengan serta-merta memindahkan beliau dari Penjara Kajang ke kediamannya di Kuala Lumpur untuk menjalani baki hukuman penjara di rumah.

Beliau juga memohon perintah supaya semua atau seorang daripada responden memberikan salinan titah utama oleh Yang di-Pertuan Agong Ke-16 berhubung pengurangan hukuman penjara dan denda serta titah adendum selain memohon kos dan relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Najib kini menjalani hukuman di Penjara Kajang sejak 23 Ogos 2022 selepas disabitkan bagi kesalahan menyeleweng RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd.

Beliau kemudian memfailkan petisyen untuk pengampunan diraja pada 2 September 2022.

Susulan keputusan pengampunan itu, hukuman penjara Najib dikurangkan dari 12 tahun kepada enam tahun manakala denda dikurangkan daripada RM210 juta kepada RM50 juta.